

## **PUSAT PENGAJIAN PONDOK TELONG, BACHOK KELANTAN**

Oleh  
Dr. Ghazali Basri, En. Ahmad Fauzi Morad  
dan Dr. Muhd. Fauzi Muhammad  
Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia

### **Pendahuluan**

Rencana berikut merupakan sebahagian dari hasil tinjauan kami ke pusat pengajian tersebut pada bulan November 1989. Di dalam rencana ini aspek-aspek yang berhubung dengan sejarah penubuhan, perkembangan fizikal, enrolmen, perjalanan harian pengajian sahaja yang dapat disentuh. Ini sesuai dengan hasrat utama penulisan ini hanya sekadar memberi maklumat awalan mengenai pusat pengajian pondok tersebut - sebuah pusat pengajian yang dikatakan telah banyak menarik perhatian umum khususnya golongan pendidikan di tanah air. Sebuah penulisan yang agak lebih terperinci akan diterbitkan di masa yang akan datang, insyaAllah.

### **Sejarah Penubuhan dan Perkembangan**

Pusat Pengajian Pondok Telong yang dahulunya dikenali dengan nama Pondok Moden dalam bahasa Arabnya, *Daru-al-Ta'lim al-Khalaqi al-Hadithi* ( دار التعليم الخلقى الحديث ) telah memulakan pengajian pertamanya pada tahun 1984. Mulai tahun 1988 namanya diubah kepada yang ada sekarang. Ia terletak di Kampung Telong, Mukim Kandis dalam daerah Bachok Kelantan. Pembinaan projek yang melibatkan kawasan seluas 69 ekar ini adalah di bawah pengendalian Kerajaan Negeri Kelantan, Darul Naim. Pusat pengajian ini telah memulakan sesi pengajian sulungnya pada 11hb Februari 1984 di bawah pimpinan seorang pengetua yang lebih dikenali dengan panggilan Sheikh pondok. Kumpulan pertama yang memulakan pengajian adalah 38 orang pelajar. Kebanyakannya datang dari negeri Kelantan, dan ada juga dari negeri-negeri lain. Jumlah gurunya pula pada waktu itu hanya 3 orang.

Penubuhan pusat pengajian pondok moden yang pertama di negeri Kelantan ini mempunyai latar belakang sejarahnya yang tersendiri. Kewujudannya mempunyai kaitan rapat dengan faktor perubahan masa, tempat dan keadaan serta desakan keperluan yang dirasakan oleh umat Islam khususnya di negeri Kelantan.

Sejak dahulu lagi Kelantan merupakan sebuah negeri di sebelah pantai timur, terkenal dengan keistimewaan pengajian pondoknya. Negeri ini menjadi tumpuan pelajar dari seluruh pelusuk tanah air bagi tujuan mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu agama dari tok guru atau ulama' yang memang terkenal dengan kewibawaan keilmuan mereka. Kini zaman kegemilangan seperti ini sudah pun berlalu. Apa yang wujud sekarang sudah jauh berubah jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya. Walaupun sistem pengajian agama cara pondok masih lagi dapat hidup, ianya tidak lagi popular seperti di masa dahulu.

Perubahan yang berlaku telah menarik perhatian beberapa golongan orang tertentu khususnya mereka yang terlibat dengan pentadbiran negeri Kelantan, termasuk juga Y.A.B Menteri Besar, serta para ulama'nya. Mereka telah mengambil langkah bagi memastikan supaya sistem pengajian pondok di negeri Kelantan dapat terus dihidupkan di samping cuba mempertingkatkan mutu institusi ini. Hasil daripada beberapa pertemuan, perbincangan dan seminar akhirnya ditubuhkan sebuah institusi pengajian pondok yang berorientasikan kehendak keperluan pendidikan semasa. Berasaskan kepada hasrat inilah maka tertubuhlah Pusat Pengajian Pondok Moden ini. Di samping berusaha untuk mengekal dan mempopularkan semula institusi pengajian agama tradisional negeri Kelantan, kelahiran Pusat Pengajian Pondok ini juga ada kaitannya dengan keperluan yang dianggap sebagai mendesak. Penubuhan institusi pondok ini diharapkan dapat menghasilkan para ulama' dan cendekiawan agama yang boleh menampung keperluan generasi pelapis kepada alim ulama' yang sedia ada dan seterusnya dapat mengambilalih tugas para tok guru yang berperanan mengekalkan dan memperkembangkan sistem pengajian tradisional di pondok-pondok. Di samping itu juga mereka diharapkan dapat memenuhi keperluan bagi jawatan pegawai tadbir agama Islam bagi negeri itu.

#### **Pembangunan Fizikal**

Pembangunan fizikal pusat pengajian pondok ini bermula pada tahun 1982. Fasa pertama projek ini melibatkan pembinaan sebanyak 15 buah pondok bagi menampung keperluan tempat tinggal para pelajarnya. Pada bulan Mac dalam tahun yang sama D.Y.M.M Sultan Kelantan Sultan Ismail Putra telah melakukan upacara peletakan batu asas bagi pembinaan sebuah masjid untuk pusat pengajian ini. Masjid yang diberi nama *al-Qudus* dan pembinaannya siap pada tahun 1984. Bagi menampung keperluan tempat kediaman tenaga pengajar, pada tahun 1983 dua buah rumah guru telah didirikan berhampiran dengan pondok penginapan pelajar. Ini diikuti pula dengan pembinaan tiga buah lagi rumah guru pada tahun 1987 sehingga menjadikan jumlahnya lima buah semuanya.

Pada tahun 1985 pembangunan Pusat Pengajian Pondok dipesatkan lagi dengan pembinaan sebuah asrama panjang bagi kediaman para pelajar. Bangunan ini didirikan bagi tujuan menambah dan mempertingkatkan lagi kemudahan tempat penginapan para pelajarnya.

Pusat ini mengikut perancangan asalnya akan mempunyai tiga buah bangunan yang bakal dijadikan bilik-bilik kuliah. Bangunan yang pertama telah siap dibina pada akhir tahun 1986 diikuti dengan pembinaan bangunan yang kedua di penghujung tahun 1987. Tetapi bangunan yang terbaru ini digunakan sebagai pejabat, bilik guru dan perpustakaan sementara. Bagi mengatasi keperluan bilik kuliah maka dibina sebuah lagi pada awal tahun 1988, menjadikan semuanya sekarang berjumlah sebanyak tiga buah bangunan.

Pada masa tinjauan ini dibuat, Pusat Pengajian Pondok di segi aspek fizikalnya mempunyai 15 buah pondok dan sebuah asrama panjang, lima buah rumah guru, tiga buah bangunan bilik kuliah (termasuk bangunan yang dijadikan sebagai pejabat dan perpustakaan sementara, sebuah masjid, padang riyadhah dan beberapa kemudahan asas untuk aktiviti-aktiviti ko-kurikulum.

Sesuai dengan pembangunan fizikal yang berlaku, jumlah tenaga pengajar dan bilangan pelajarnya juga telah turut bertambah. Sekarang Pusat Pengajian Pondok sudah mempunyai tenaga pengajar seramai 13 orang manakala bilangan pelajarnya pula sudah berjumlah 93 orang yang terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga ke tahun yang ke-5. Walaupun demikian pertambahan tersebut masih kecil jika dibandingkan dengan jumlah pertambahan yang dijangkakan pada mulanya. Perkara ini dapat dimaklumi hasil dari temubual kami dengan beberapa orang tenaga pengajar di institusi tersebut.

### **Matlamat dan Tujuan Penubuhan Pusat Pengajian Pondok**

Penubuhan Pusat Pengajian Pondok adalah di atas hasrat untuk memenuhi tujuan dan matlamat-matlamat berikut:-

1. Untuk melahirkan golongan ulama' dan cendekiawan agama yang memiliki ciri-ciri:
  - i. berkemampuan untuk memahami dan mendalami isi kandungan kitab-kitab lama dalam berbagai bidang ilmu keagamaan.
  - ii. berkewibawaan untuk menjadi muballigh, pendakwah, imam, kadhi dan sebagainya, dan
  - iii. berkebolehan untuk mengambilalih dan meneruskan tugas-tugas ulama pondok terdahulu.

2. Untuk melaksanakan tugas-tugas:
  - i. mengekal dan menghidupkan pengajian cara pondok,
  - ii. menyelaraskan perhubungan dengan pondok-pondok lain di negeri Kelantan,
  - iii. mengadakan dan menjalankan peperiksaan kepada para pelajarnya dan menganugerahkan sijil kepada mereka, dan
  - iv. mengelola, menjalankan kursus-kursus umum dan vokasional seperti pertanian, penternakan, pertukangan, jahitan dan sebagainya.

#### **Syarat Kemasukan Pelajar**

Kelayakan minima yang diperlukan bagi pelajar-pelajar memasuki pondok ini adalah seperti berikut:

- i. memiliki sijil menengah agama (SMA) atau yang setaraf dengannya atau sijil 4 thanawi, atau
- ii. pernah belajar selama empat tahun di mana-mana jua pondok dengan syarat mendapat pengakuan dari mudir (guru besar) pondok berkenaan.

Selain dari syarat di atas dikenakan juga syarat umur iaitu tidak melebihi 20 tahun dan hanya kepada lelaki sahaja.

#### **KURIKULUM**

- i. Hari dan masa belajar  
Hari-hari yang ditetapkan adalah sebanyak enam hari dalam seminggu, iaitu mulai Sabtu hingga Khamis. Setiap hari pula diperuntukkan sebanyak enam jam pengajian, dan jumlah waktu bagi setiap satu mata pelajaran yang diajar (*hissah*) ialah satu jam. Jadual pelajaran bermula selepas menunaikan fardhu Subuh hinggalah pada waktu Asar. Di sebelah malamnya iaitu selepas Fardu 'Isya diperuntukkan lagi satu *hissah*. Di antara satu waktu mata pelajaran dengan yang lain diperuntukkan 15 minit rehat. Berikut adalah contoh Jadual waktu bagi tahun empat (lihat di muka sebelah.)

جدوال وقت تاهون أمفت

كلية مغرب	كلية صباح							كلية صباح	هاري
التصوف		الفقه	التفسير	الصرف	التفسير	النحو			سبت
الفقه		التصوف	ب. مليسيا	التاريخ	الحديث	النحو	مصطلح الحديث		أحد
كتاب جاوي		الفقه	الحديث	النحو	البلاغة	النحو	التفسير		اثنين
			الفقه	المقولات	القواعد	البلاغة	مصطلح الحديث		ثلاثا
التوحيد		الفقه	الفقه	التفسير	التاريخ	القواعد	التفسير		رابع
		الصرف	الحديث	التجويد	التفسير	ب. ماليسيا			خمس

ii. Mata pelajaran yang diajar

Mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar merangkumi ilmu-ilmu seperti berikut:

- a. ilmu-ilmu al-Quran: Qira'at (bacaan dan Tajwid), Tafsir, Usul Tafsir.
- b. ilmu Hadith: Mustalah Hadith.
- c. ilmu Fekah: Usul Fiqh, Qawa'id Fiqh.
- d. Bahasa Arab: Nahu, Saraf, Balaghah, Insha', Arud
- e. Falsafah: Mantiq, Maqulat

Berikut adalah nama-nama teks (kitab) yang digunakan bagi satu-satu mata pelajaran yang diajar. Di segi pembahagian, terdapat dua tahap: tahap pertama ialah mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar pada tahun 1 hingga tahun 3, dan tahap kedua ialah dari tahun 4 hingga 5.

Tahap Pertama: Tahun 1

متفلاجران	نام كتاب/ تيك س
١. التفسير :	تفسير الجلالين من الجزء الأول الي الجزء السادس.
٢. الحديث :	حديث الاربعين
٣. التوحيد :	الشرقاوي على الهدى
٤. الفقه :	فتح القريب (النصف الأول)
٥. النحو :	متن أجزومية، مختصر متممة.
٦. الصرف :	متن البناء، متن المقصود، متن عزي
٧. التاريخ :	نور اليقين (الثلاث الأول)
٨. التصوف :	بداية الهداية
٩. القرآن الكريم :	القرأة والتجويد
١٠. الانشاء :	نماذج من المعلم
١١. اللغة الماليزية	

Tahap Satu: Tahun 2

متفلاجران	نام كتاب / تيك س
١. التفسير :	تفسير الجلائن من الجزء السابع الي الجزء الثاني عشر
٢. الحديث :	بلوغ المرام (النصف الأول)
٣. التجويد :	كفاية العوام
٤. الفقه :	فتح القريب (النصف الأول)
٥. النحو :	قطر الندى
٦. الصرف :	شرح الكيلاني علي العزي
٧. التاريخ :	نور اليقين (الثالث الثاني)
٨. التصوف :	منهاج العابدين
٩. اصول التفسير :	نهج التيسير
١٠. مصطلح الحديث	التقريرات السنية علي البيقونية
١١. اصول الفقه :	شرح الورقات
٢١. المنطق :	ايضاح المبهم شرح سلم المنطق

متفلاجران	نام كتاب/ تيك س
١. التفسير :	تفسير الجلالين من الجزء الثالث عشر الي الجزء الثامن عشر
٢. الحديث :	بلوغ المرام (النصف الأخير)
٣. التوحيد :	شرح عبد السلام علي الجوهرة
٤. الفقه :	فتح المعين (الثالث الأول)
٥. النحو :	شرح ابن عقيل علي الفية ابن مالك (الثالث الأول)
٦. الصرف :	شرح لامية الافعال (النصف الأول)
٧. التاريخ :	نور اليقين (الثالث الأخير)
٨. التصوف :	منهاج العابدين
٩. أصول التفسير :	فيض الخبير علي نهج التيسير
١٠. مصطلح الحديث	شرح نخبة الفكر (النصف الأول)
١١. أصول الفقه :	كتب اللمع
١٢. المنطق :	شرح السلم للمصنف
١٣. البلاغة :	شرح الجواهر المكنون
١٤. الانشاء :	نماذج من المعلم والتمرينات
١٥. اللغة الماليزية	

Tahap Dua: Tahun 4

متفلاجران	نام كتاب / تيك س
١. التفسير :	تفسير الجلالين من الجزء الخامس والعشرين
٢. الحديث :	صحيح الترمذي (المجلد الثاني)
٣. التوحيد :	شرح عبد السلام علي الجوهرة
٤. الفقه :	فتح المعين (الثالث الأخير)
٥. النحو :	شرح ابن عقيل (الثالث الأخير)
٦. الصرف :	ابواب الصرف من شرح ابن عقيل
٧. التاريخ :	اقام الوفاء
٨. التصوف :	منهاج العابدين
٩. اصول التفسير	الاتقان للسيوطي
١٠. مصطلح الحديث	رفع الاستار
١١. اصول الفقه :	كتاب اللمع (الثالث الأخير)
١٢. العروض :	المختصر الشافي
١٣. البلاغة :	شرح جوهرة المكنون
١٤. قواعد الفقه :	ايضاح القواعد الفقهية (النصف الأخير)

متفلاجران	نام كتاب / تيك س
١. التفسير :	تفسير الجلالين من الجزء التاسع عشر الي الجزء الرابع والعشرين
٢. الحديث :	صحيح الترمذي (المجلد الأول)
٣. التوحيد :	شرح عبدالسلام على الجوهرة
٤. الفقه :	فتح المعين (الثالث الثاني)
٥. النحو :	شرح ابن عقيل (الثالث الثاني)
٦. الصرف :	شرح لامية الافعال (النصف الأخير)
٧. التاريخ :	اقام الوفاء
٨. التصوف :	منهاج العابدين
٩. اصول التفسير :	التباين للشيخ علي الصابوني
١٠. مصطلح الحديث :	شرح نخبة الفكر
١١. اصول الفقه :	كتاب اللمع
١٢. المقولات :	المقولات العشرة
١٣. البلاغة :	شرح جوهرة المكنون
١٤. قواعد الفقه :	ايضاح القواعد الفقهية (النصف الأول)

### iii. Aktiviti Ko-Kurikulum

Selain dari kegiatan keilmuan yang menekankan aspek kognitif aspek-aspek afektif dan kemahiran juga sangat diberi perhatian. Di bidang kerohanian, para pelajar dikehendaki berdiri solat berjemaah di masjid sama ada diimamkan oleh guru atau pun pelajar secara bergilir. Di samping itu para pelajar juga digalakkan mendirikan sembahyang tahajjud, sembahyang dhuha, bertahlil serta membaca Surah Yasin pada setiap malam Jumaat. Para pelajar juga digalakkan mengadakan muzakarah secara usrah (berkelompok) yang dipimpin oleh salah seorang dari pelajar sendiri. Kegiatan seperti memberi kuliah umum, membaca kitab Jawi selepas solat maghrib dan pada pagi Jumaat juga diadakan. Aktiviti pertanian dan penternakan (pernah diadakan bengkel membaiki motor) juga diadakan sebahagian dari ko-kurikulum Pusat Pengajian ini. Para pelajar diberi kesempatan bermain sepak takraw, bola tampar dan badminton di waktu petang selepas waktu asar. Peruntukan kawasan bagi kegiatan ko-kurikulum seperti pertanian, penternakan, bengkel motor dan juga pertukangan memang lebih dari yang diperlukan.

### Ciri-Ciri Moden Pusat Pengajian Pondok

Berdasarkan kepada kajian yang telah di buat di antara ciri-ciri pemodenan yang dapat dikenalpasti dalam sistem Pengajian Pondok Moden ialah:

1. Mempunyai dan mengamalkan sistem penilaian secara berterusan untuk menentukan keberkesanan pembelajaran di samping mengadakan peperiksaan untuk tujuan penganugerahan sijil kepada pelajar.
2. Mempunyai kurikulum pelajaran yang ditetapkan dan pelajar-pelajar diwajibkan untuk mengikuti aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan di pusat pengajian.
3. Pengajian dijalankan berlandaskan kepada jadual waktu yang tersusun kemas di segi peruntukan masa pelajaran, mata pelajaran dan pengagihan masa (hissah)
4. Pemberian biasiswa bulanan kepada para pelajar yang mengikuti pengajian di pusat tersebut.
5. Pemilihan serta penapisan dalam sistem kemasukan dan pengambilan pelajar berasaskan kepada syarat dan kelayakan yang ditentukan.
6. Sistem pengajian yang menekankan aspek teori dan praktikal, di samping belajar, pelajar dikehendaki menjalani program latihan mengajar kitab di kampung-kampung di mana mereka ditempatkan.

7. Mengamalkan sistem kenaikan kelas seperti yang dijalankan di sekolah rendah dan menengah biasa.
8. Mempunyai asrama dan mengenakan peraturan-peraturan asrama yang perlu diikuti dan dipatuhi oleh para pelajar.
9. Mempunyai struktur dan organisasi pentadbiran dan pengurusan yang tersusun terdiri daripada Sheikh pondok, pendaftar, tenaga pengajar dan kakitangan sokongan.
10. Memiliki kemudahan perpustakaan untuk para pelajar membuat rujukan dan mendapatkan bahan-bahan bacaan tambahan untuk pengkayaan ilmu.
11. Mengamalkan sistem pengajian sepenuh hari seperti yang sedang dijalankan di sekolah berasrama penuh kerajaan.
12. Mempunyai jadual penggal pengajian dan masa percutian yang tetap seperti yang diamalkan oleh sekolah-sekolah biasa.
13. Pemberian pengiktirafan kepada pelajar lepasan pusat pengajian untuk melanjutkan pelajaran di beberapa universiti di Timur Tengah.
14. Sistem pengajian yang menjurus ke arah memenuhi keperluan aspek kerjaya seperti untuk menjadi kadhi, imam, guru Majlis dan jawatan-jawatan pegawai agama negeri yang lainnya.
15. Kakitangan yang berkhidmat di pusat pengajian berkenaan adalah dibayar gaji atau elaun seperti pegawai awam kerajaan yang lain.

#### **Masa Depan: Antara Yang Tersirat dengan Tersurat**

Seperti yang telah disentuh, penentuan dan pelaksanaan dasar, Pengajian Pondok diletakkan sepenuhnya di bawah Yayasan Islam Negeri Kelantan (YAIK). Tujuan asal Pusat Pengajian ini ialah untuk mengeluarkan para ilmuan agama yang mampu melaksanakan tugas-tugas pengajaran ilmu-ilmu Islam di samping menjadi tokoh agama tempatan atau lebih dikenali dengan istilah 'tok guru'. Dalam bahagian ini usaha dijalankan oleh penyelidik untuk meninjau sejauhmana Pusat Pengajian ini telah dapat mencapai matlamat asalnya setelah lima tahun beroperasi.

Sepuluh dari 13 orang tenaga pengajar serta seorang pendaftar Pusat Pengajian tersebut telah dapat ditemubual mengenai beberapa isu yang berkaitan. Berikut adalah isu-isu yang dibangkitkan serta pandangan mereka terhadapnya.

Menjawab persoalan sama ada pelaksanaan dasar pentadbiran Pusat ini selari dengan perancangan asalnya, lapan, kira-kira 72% dari jumlah responden mengatakan tidak mencapai matlamatnya. Sebahagian besar dari mereka menyatakan bukti tidak tercapainya tujuan itu menghubungkan dengan keadaan

yang berlaku sekarang. Pertama dijelaskan tentang bilangan pelajar yang terlalu kecil jumlahnya. Sehingga 1989 Pusat hanya mengambil 100 orang pelajar manakala sepatutnya menurut perancangan asal berjumlah 250 orang. Yang kedua, jumlah tahun pengajian hanya dibuka selama lima tahun sahaja walaupun perancangan asalnya 10 tahun. Kedua-dua perkara ini mempunyai implikasi terhadap pencapaian matlamat. Di segi bilangan pengambilan, oleh kerana pada asalnya jumlahnya adalah sedikit, hanya kira-kira 20 pelajar bagi satu-satu kemasukan setahun, dan kemudian semasa pengajian mereka diberi pula peluang untuk menyertai peperiksaan Sijil Tinggi Agama (STU) untuk membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke luar negeri atau pusat-pusat pengajian tinggi tempatan, akhirnya yang berbaki adalah terlalu kecil bilangannya. Umpamanya, dari jumlah asal pelajar yang berbaki di Tahun Lima hanya tujuh (7) orang. Pada tahun 1988 seramai lapan (8) pelajar dan pada tahun 1989 seramai empat (4) pelajar pergi melanjutkan pelajaran ke Mesir. Persoalan yang dibangkitkan di sini ialah: walaupun pelajar-pelajar yang pergi ke Mesir nantinya akan balik juga tetapi, tentulah tidak dapat dipastikan mereka akan menjadi 'tok guru' seperti yang diharap-harapkan. Di segi jumlah tahun pengajian yang begitu singkat adalah diragukan tentang keupayaan Pusat ini untuk mencapai matlamatnya. Untuk melahirkan guru-guru yang *mursyid* jangka waktu sepuluh (10) tahun merupakan satu keperluan. Ini memandangkan jumlah kitab yang perlu di tela'ah, dihafaz serta disyarahkan begitu banyak, tambahan pula keperluan terhadap penguasaan bahasa Arab biasanya memakan waktu yang panjang. Mengenai perkara yang sama juga dikaitkan pula dengan ketidakmampuan para pelajar untuk berlatih menggantikan guru-guru mereka dalam pengajaran. Apa yang dimaksudkan di sini ialah sekurang-kurangnya di tahun-tahun akhir pengajian, pelajar diminta berlatih menyampaikan pengajaran menggantikan guru mereka di dalam satu-satu mata pelajaran atau pun satu-satu bidang. Jika sekiranya pengajian yang dilalui hanya lima (5) tahun sahaja, adalah sukar untuk dipastikan kemampuan pelajar untuk dapat bersedia menjadi 'tok guru'. Bagi responden yang mengatakan, keadaan yang ada sekarang dapat mencapai matlamat asalnya, hanya seorang sahaja yang memberikan penjelasan. Penjelasan tersebut tidak pula memperlihatkan sesuatu penegasan, malah ia lebih merupakan sebuah 'pernyataan yang berhati-hati' seperti yang dijelaskan dengan ungkapan, "dalam proses pelaksanaan ia didapati mencapai separuh dari matlamatnya".

Di dalam usaha pencapaian matlamat, peranan tenaga pengajar atau guru-guru yang bertugas serta pentadbir Pusat ini adalah maha penting. Dalam hubungan ini mereka diminta menjawab soalan yang berhubung dengan permasalahan kebajikan mereka dalam kontek melaksanakan tugas-tugas pengajaran dan bimbingan di Pusat Pengajian ini. Dari jumlah lima (5) orang

yang memberikan respon kepada persoalan ini tiga daripadanya menyatakan mengenai masalah kewangan. Mereka berpendapat ganjaran yang berupa elaun diberikan kepada guru-guru hanya mampu menampung perbelanjaan minyak kereta dan belanja makan harian sahaja. Dua orang lagi menyatakan sebagai sangat rendah dan tidak mencukupi perbelanjaan harian. Mereka juga seolah-olah menyesali keadaan kerana ada ura-ura pihak bertanggungjawab untuk menaikkan elaun mereka, tetapi ia belum lagi menjadi kenyataan. Dua orang lagi membangkitkan masalah pengkhususan guru. Sesetengah mata pelajaran memang mengkehendaki kepakaran atau pengkhususan, umpamanya mata pelajaran (karangan) dan bahasa Arab sendiri memang menghendaki seorang guru khas. Apa yang berlaku ialah meletakkan guru-guru yang hanya mempunyai kebolehan umum untuk mengajar mata pelajaran tersebut.

Berhubung dengan masalah pentadbiran, responden ditanya sama ada tenaga yang sedia ada (seorang pendaftar dan seorang kerani) mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja pentadbiran harian. Hanya dua responden sahaja yang mengatakan kurang mencukupi. Alasan yang diberikan ialah berhubung dengan penjagaan kutub khanah (library). Keadaan yang ada sekarang kutub khanah dijaga oleh pendaftar Pusat Pengajian ini. Oleh kerana pendaftar juga terlibat dengan tugas mengajar sudah tentulah dirasakan penjagaan serta pengurusan kutub khanah itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ini menjejaskan waktu yang sepatutnya diberikan kepada para pelajar menggunakan kemudahan kutub khanah yang sedia ada.

Menyentuh tentang persoalan kemasukan pelajar ke Pusat Pengajian ini, seramai tujuh (7) dari jumlah sebelas (11), iaitu kira-kira 64 responden mengakui memang terdapat masalah. Kesemua mereka berpendapat dasar menghadkan kemasukan pelajar adalah punca masalah. Ia bukan disebabkan tidak ada pemohon yang layak. Mereka mencadangkan supaya pihak YAIK mengambil lebih ramai pelajar (tidak menghadkan hanya kepada 20 orang sahaja) untuk menjamin perkembangan pendidikan Islam dan juga untuk memastikan supaya objektif asalnya dapat dicapai, iaitu mahu meramaikan bilangan 'tok guru'. Jumlah yang mereka cadangkan ialah antara 35 hingga 40 pelajar setiap kemasukan. Ada pula berpendapat sebab-sebab sekatan dibuat ialah untuk membendung anasir-anasir politik yang dianggap 'tidak sihat' dari mendapat tempat. Contohnya semasa calon-calon ditemuduga mereka ditanyakan tentang kefahaman atau kecenderungan kepada sesebuah parti. Soalan begini sudah pastilah membayangkan anasir-anasir diskriminasi di dalam pemilihan yang sekaligus akan mengurangkan peluang-peluang kemasukan kepada mereka yang benar-benar layak.

Mengenai persoalan sama ada pihak ibu bapa pelajar menimbulkan masalah di dalam pentadbiran dan pengurusan Pusat Pengajian ini, seorang

sahaja yang berpendapat ada masalah. Masalah tersebut dikaitkan dengan pernyataan bagi pihak ibu bapa yang tidak puas hati dengan penerimaan pelajar yang sedikit memandangkan pemohon-pemohon begitu ramai.

Apabila ditanya sama ada pihak guru dan pentadbir sendiri benar-benar yakin terhadap matlamat Pusat Pengajian di dalam mencapai objektifnya, lapan (8) dari mereka, kira-kira 73% mengatakan mereka tidak yakin Pusat Pengajian ini akan dapat mencapai matlamatnya, jika sekiranya Pusat ini terus berada dalam keadaannya seperti sekarang. Dua persoalan pokok dihubungkan dengan kenyataan itu. Pertama ialah masalah kekurangan pelajar. Bilangan yang sudah sedikit itu dan di sepanjang pengajian mereka di Pusat Pengajian ini, mereka terdedah pula dengan beberapa tarikan pengaliran keluar seperti peluang melanjutkan ke Mesir, di institusi pengajian tinggi tempatan, peluang pekerjaan dan seumpamanya, sudah pastilah bilangan yang diharap-harapkan itu tidak akan tercapai. Yang kedua dihubungkan dengan kurikulum. Penekanan kurikulum hendaklah ditekankan kepada pembinaan siswazah yang boleh berdikari, yakni tidak mengharapkan pekerjaan seperti makan gaji. Dalam hal ini pandangan seorang responden mencadangkan agar kegiatan luar (ko-kurikulum) digerakkan semula, memang mempunyai hubungan yang rapat dengan pembentukan sikap pelajar yang bakal akan meninggalkan Pusat Pengajian ini.

Di dalam ruangan meminta pendapat mengenai sebarang masalah yang berkaitan, empat responden memberikan jawapan, tiga daripadanya menyuarakan kembali ketidakpuasan hati mereka terhadap tempoh pengajian yang diadakan di Pusat Pengajian ini: seorang daripadanya menyebut sekurang-kurangnya tempoh ialah lapan tahun kalau pun tidak sepuluh tahun. Seorang lagi menyebut keperluan tentang kakitangan yang akan bertugas di kutub khanah.

### **Penutup**

Kehadiran pusat pengajian pondok Telong seperti yang terdapat di Bachok ini memang dirasakan keperluannya. Di dalam arus perkembangan pendidikan moden yang begitu pesat, pusat-pusat pengajian Islam tradisional yang sebelum ini berpengaruh menjadi semakin pupus. Ungkapan, 'dari pusat ke pinggir' yang disebut oleh Mohamad Abu Bakar di dalam tulisannya bagi menggambarkan keadaan yang menimpa nasib pondok-pondok di tanah air memang tepat. Di satu pihak telah wujud harapan yang begitu tinggi di kalangan umat Islam agar institusi-institusi pondok dihidupkan semula, tetapi disebabkan oleh kelemahan pengurusan, sistem pengajaran dan pembelajaran, kekurangan kewangan, ketidakcukupan tenaga pengajar yang berwibawa telah membantut harapan yang begitu tinggi. Umum juga merasakan ketandusan tenaga tok guru

yang dapat menyambung generasi tok guru tua yang jumlahnya semakin berkurangan. Peranan mereka di dalam menyebarkan ilmu-ilmu Islam, mendidik masyarakat di kampung atau di bandar memang tidak dapat dinafikan, khususnya di Kelantan. Di atas kesedaran serta desakan inilah Yayasan Islam Kelantan (YAIK) mengambil langkah positif bagi mengadakan sebuah pusat pengajian pondok yang dijangka dapat memenuhi aspirasi masyarakat Islam. Pengekalan aspek-aspek tradisonal seperti penggunaan kitab-kitab atau teks tradisonal dalam bidang-bidang ulum al-Quran, al-Hadith, Bahasa Arab, Fekah dan Tauhid, cara penyampaian mengikut sistem halaqah, pengajian di masjid di dalam sebuah persekitaran fizikal yang moden sudah pasti dapat memberi kesan baru di segi pencapaian pendidikan.

Jika dinilai di segi kejayaan pencapaian matlamat asalnya, dapat dikatakan pusat pengajian ini tidak berjaya. Seperti yang dinyatakan, tempoh pengajian yang sedia ada tidak mencukupi bagi melahirkan tok guru yang diharap-harapkan. Penglibatan sistem pengajian bagi faedah mendapatkan sijil-sijil kelulusan agama bagi tujuan memasuki institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri dan di dalam negeri, bagi menjawat jawatan-jawatan seperti pegawai tadbir agama, kadi dan seumpamanya juga menghalang pencapaian tujuan asalnya.

Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada pembuat dasar pusat pengajian pondok ini bagi menentukan semula objektif utamanya. Satu hal yang amat jelas kelihatan ialah dengan adanya sistem pengajian pondok seperti yang terdapat di Bachok ini ia merupakan suatu *milestone* bagi sistem pendidikan tradisonal di tanah air kita. Apa yang diperlukan ialah kesediaan kita untuk memperbaiki serta memperkemaskini sistem yang sudahpun berjalan seperti yang terdapat di Pusat Pengajian Pondok Telong Bachok ini.